

**MENCADANGKAN REKA BENTUK JALAN YANG BERCIRIKAN *LIVABLE*  
*STREETS* KE ARAH MENJANA AKTIVITI RUANG JALAN DI PERUMAHAN  
TERANCANG**

**NOR HIDAYAH BINTI JAAFAR**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

Mei, 2008

## ABSTRAK

Fungsi jalan tempatan di kawasan taman perumahan terancang pada masa kini kurang menggalakkan aktiviti manusia berlaku terutamanya aktiviti berjalan kaki. Hal ini kerana jarak antara rumah dengan perkedaian, kawasan lapang, sekolah dan sebagainya jauh menyebabkan penduduk lebih mudah bergerak menggunakan kenderaan sendiri. Keadaan reka bentuk jalan tempatan di kawasan kejiranan juga menyebabkan isipadu trafik meningkat dan kenderaan bergerak laju terutamanya bagi jalan yang mempunyai laluan terus trafik. Persimpangan jalan utama di kawasan kajian yang membolehkan kenderaan masuk daripada pelbagai arah mewujudkan konflik antara kenderaan dan aktiviti penduduk di kawasan kajian. Pencemaran udara dan bunyi berlaku di kawasan kajian menyebabkan penduduk tidak selesa dengan keadaan tersebut. Corak aktiviti manusia telah dikaji di Jalan Kejayaan 10 dan Jalan Kebangsaan 7, Taman Universiti dan Taman Desa Skudai bagi melihat penggunaan ruang tersebut sama ada kerap digunakan oleh penduduk atau kenderaan. Penandaan corak aktiviti manusia dilakukan dengan menanda sebarang aktiviti manusia pada pelan susun atur kawasan kajian. Kajian ini dilakukan pada pukul 3.00 hingga 7.00 petang dan dibuat pada hari biasa, hari Jumaat (pasar malam) dan hari minggu di kedua-dua jalan tersebut. Pengiraan isipadu trafik juga dibuat pada waktu genting atau puncak untuk melihat jumlah kenderaan yang menggunakan jalan tersebut pada pukul 5.00 hingga 7.00 petang. Temu bual dilakukan bagi mendapat maklum balas penduduk yang tinggal di kawasan tersebut. Hasil kajian yang diperolehi mendapati aktiviti manusia adalah kurang menggalakkan pada awal petang pertama iaitu pada pukul 3.00 hingga 4.00 petang. Pada pukul 4.00 hingga 5.00, aktiviti manusia turut kurang menggalakkan. Aktiviti manusia meningkat pada pukul 5.00 hingga 7.00 petang. Tahap isipadu trafik juga meningkat pada waktu tersebut. Kekerapan penduduk yang menggunakan ruang jalan ini ialah perempuan dewasa, lelaki dewasa dan kanak-kanak lelaki. Kanak-kanak perempuan kurang aktif menggunakan ruang jalan ini. Cadangan bagi pertingkatkan jalan ini perlu dilakukan supaya penduduk dapat menjalankan aktiviti sosial seharian dengan lebih baik. Bagi kawasan pembangunan baru, perancangan yang teliti perlu dilakukan supaya aspek sosial manusia tidak diabaikan.

## ABSTRACT

Nowadays, function of local road in housing estate is not encouraging human activities especially walking activity. This is due to the distance from housing area to retail shop, open space, school and other area are quite far; it makes the residents need to use their vehicles to move around. The local road design in housing area had caused the volume of traffic and the speed of vehicle increased especially for straight roads. In the study area, the main intersection which has allowed vehicle enter from many directions has caused a conflict between vehicle and residents activities. The residents feel uncomfortable with the local road situation in front of their houses because it has created air and noise pollutions. The pattern for human activities at Jalan Kejayaan 10, Jalan Kebangsaan 7, Taman Universiti and certain space in Taman Desa Skudai were studied to identify the frequency of either peoples or vehicle who was always using those spaces. Layout plan is made to indicate the pattern of human activities with the used of symbols. The study was done in the evening from 3.00 to 7.00 pm during the weekdays, on Friday was a night market and during the weekends the study was done on both roads. The amount of traffic was collected during peak hours from 5.00 to 7.00 pm, to obtain the total of vehicle on those roads. Interview with residents is crucial to get the responds about the surrounding area. From the study, it was found that human activities were limited on the early evening between 3.00 to 5.00 pm. Human activities and traffic volume were increasing from 5.00 to 7.00 pm. Residents who were using those streets space frequently were female, male and boys respectively. A proposal is needed to upgrade the local road in order to encourage human social activities. Finally, human aspect needs to be taken into consideration before any new residential area is developed.